

# Membestari semua sekolah menjelang 2010

BH- 17/11/2007


Teras 2

Oleh Anwar Hussin

**K**EMENTERIAN Pelajaran menetapkan 2010 sebagai sasaran kepada usaha membastarikan sekolah di seluruh negara, dengan matlamat utama menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkakasan mencukupi seperti perisian dan pelbagai bahan digital lengkap dalam nisbah lebih selesa bagi kegunaan guru dan pelajar.

Berdasarkan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010 yang disediakan kementerian, cabaran utama itu adalah menyelaraskan semua inisiatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan, agar dapat dilaksanakan secara cekap dan efektif, tanpa pertindihan dan pembaziran.

Selari dengan matlamat ini, kementerian menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan bertindak aktif menjadikan 88 sekolah di bawah projek rintis Sekolah Bestari sebagai penanda aras kepada program pelaksanaan projek terba-



**MEMPERKASA PEMBELAJARAN:** Pelajar dan guru bakal menikmati faedah berganda menerusi pembastarian sekolah.

Selain itu, semua inisiatif ICT di bawah Jawatankuasa Maklumat Pengkomputeran Kementerian (JMPK) akan diselenggarakan, manakala setiap perisian kursus yang sudah dihasilkan, bakal dinilai semula oleh juruaudit penilai.

Ia antara lain bertujuan untuk mengkaji semula setiap inisiatifnya dari aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pentadbiran serta pengurusan, sambil pada masa sama, mencadangkan pelan baru

## FAKTA NOMBOR

Sekolah Bestari

**3,000**

Pusat akses disediakan

**5,809**

Komputer dibekalkan

strategik ICT.

Menerusi program ini juga, pelajar dan guru bakal menikmati faedah berganda apabila kementerian turut memberi keutamaan kepada usaha memastikan setiap infrastruktur, perkakasan dan aplikasi pengurusan ditingkatkan.

Menjelang 2010, Kementerian Pelajaran mensasarkan untuk menyediakan 3,000 pusat akses, mengecilkan nisbah satu komputer bagi dua guru dan 20 pelajar, selain satu ke-

mudahan televisyen dan video cakera digital (DVD) bagi setiap sekolah seluruh negara, dengan peningkatan 100 peratus terhadap kadar penggunaan program DVD dan TV Pendi-dikan (TVP).

Selaras matlamat itu, penyediaan perisian lengkap juga turut sama dipertingkatkan dengan tambahan berperingkat-peringkat membabitkan pelbagai bahan digital mengikut tahap dan mata pelajaran, sehingga penghasilan dan penggunaannya mencapai tahap optimum 100 peratus berdasarkan tahun sasaran.

Pada masa sama, program latihan dan bimbingan ICT kepada pentadbir sekolah, guru serta pelajar juga akan dimantapkan, menerusi pelaksanaan pelbagai program bimbingan dan latihan membabitkan asas penggunaan komputer, penggunaan komputer untuk R&D, penggunaan perisian khusus dan penggunaan TVP dalam R&D, selain menggalakkan sebarang perkongsian pintar dengan pihak luar KPM.

Dalam proses membastarikan sekolah, kementerian membekalkan sejumlah 5,809 komputer, 261 unit pelan, 1,494 judul perisian kursus, 243 judul perisian khusus berasaskan web dan 33 aplikasi sistem pengurusan menerusi projek rintis Sekolah Bestari.